



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 827

AKTA MATA WANG 2020

Tarikh Perkenan Diraja 14 Februari 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 28 Februari 2020

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 827

AKTA MATA WANG 2020

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Orang yang diisytiharkan sebagai institusi kewangan
4. Kuasa dan fungsi Bank

BAHAGIAN II

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN MATA WANG

5. Bank menjadi pihak berkuasa tunggal untuk mengeluarkan mata wang
6. Pencetakan dan penempatan mata wang di bawah kuasa Bank
7. Pengeluaran, pengeluaran semula dan pertukaran mata wang di pejabat, dsb., yang ditubuhkan oleh Bank
8. Bank bertanggungjawab bagi nilai muka mata wang
9. Denominasi dan bentuk mata wang
10. Sah diperlakukan
11. Jualan mata wang
12. Penyimpanan selamat mata wang yang belum dikeluarkan, dsb.
13. Kuasa memanggil balik mata wang
14. Penarikan mata wang
15. Pelupusan mata wang atau instrumen pencetakan dan penempatan
16. Pembayaran balik mata wang yang hilang, dicuri atau tidak sempurna
17. Pemeliharaan kualiti dan integriti mata wang

BAHAGIAN III

KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN MATA WANG

Seksyen

18. Larangan mengeluarkan, mencetak atau menempa mata wang
19. Sekatan ke atas penggunaan gambar, lukisan atau reka bentuk mata wang dalam penerbitan, dsb.
20. Larangan melebur mata wang syiling
21. Had transaksi tunai
22. Ketidakpakaian seksyen 21

BAHAGIAN IV

PERNIAGAAN PEMPROSESAN MATA WANG

23. Perisytiharan perniagaan pemprosesan mata wang

Penggali 1

Pendaftaran

24. Larangan menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang
25. Permohonan bagi pendaftaran
26. Pendaftaran
27. Tidak boleh didaftarkan
28. Penyiaran senarai pemproses mata wang berdaftar
29. Pembatalan pendaftaran secara sukarela
30. Pembatalan pendaftaran oleh Bank
31. Peluang untuk membuat representasi bagi tindakan di bawah seksyen 30
32. Kesan pembatalan pendaftaran

Penggali 2

Kewajipan pemproses mata wang berdaftar

33. Amalan berhemat dan profesional
34. Kewajipan pengarah dan ketua pegawai eksekutif
35. Fi
36. Pemeliharaan kerahsiaan

Seksyen

37. Penahanan mata wang yang disyaki palsu
38. Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan merekodkan maklumat peribadi orang yang daripadanya mata wang ditahan
39. Mata wang diserahkan dan maklumat dikemukakan, kepada polis
40. Mata wang terus menjadi harta orang yang daripadanya mata wang ditahan jika mata wang adalah tulen
41. Pengemukaan dokumen atau maklumat

Penggal 3

Pemeriksaan

42. Kuasa untuk memeriksa
43. Pemeriksaan orang tertentu
44. Hak bagi akses dan pengemukaan harta, dsb.
45. Kehadiran di hadapan Bank

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Penggal 1

Tindakan oleh Bank

46. Kemungkiran
47. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
48. Kuasa untuk mengambil tindakan pentadbiran
49. Kesesuaian tindakan
50. Peluang untuk membuat representasi bagi tindakan di bawah seksyen 47 atau 48
51. Rayuan terhadap penalti monetari

Penggal 2

Tindakan jenayah

52. Kesalahan oleh orang yang bertindak dalam jawatan rasmi
53. Kesalahan oleh pekerja atau pegawai atau ejen
54. Percubaan, persubahatan dan komplot

Seksyen

- 55. Kesalahan boleh tangkap
- 56. Pencantuman kesalahan
- 57. Pengkompaunan kesalahan
- 58. Pendakwaan

BAHAGIAN VI

AM

- 59. Wang yang diterima oleh Bank
- 60. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
- 61. Kuasa untuk mengeluarkan standard
- 62. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan
- 63. Peruntukan berhubung dengan kelulusan, standard, spesifikasi, notis, kehendak, arahan, perintah atau garis panduan
- 64. Penyiaran tindakan penguatkuasaan
- 65. Pindaan Jadual
- 66. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
- 67. Pemakaian seksyen 77 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
- 68. Pengecualian

BAHAGIAN VII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

- 69. Kecualian
- 70. Peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 827

AKTA MATA WANG 2020

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan mata wang Malaysia, pengawalseliaan perniagaan pemprosesan mata wang dan aktiviti pemprosesan mata wang dan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mata Wang 2020.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Bahagian atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti pemprosesan mata wang” ertinya—

- (a) pengisian mata wang kertas atau mata wang syiling mengikut ketulenan atau kualiti; atau
- (b) pembungkusan mata wang kertas atau mata wang syiling mengikut kualiti, kuantiti atau denominasi;

“Bank” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];

“Gabenor” ertinya Gabenor Bank;

“institusi kewangan” ertinya—

- (a) suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*]; atau
- (b) mana-mana orang yang diisytiharkan sebagai suatu institusi kewangan dalam Jadual Pertama;

“instrumen atau bahan” termasuklah—

- (a) yang berhubungan dengan mata wang kertas, filem asal, progresif, plat, pruf, dan mata wang kertas yang belum dicetak, separuh dicetak atau siap dicetak;
- (b) yang berhubungan dengan mata wang syiling, reka bentuk, acuan, roda huruf, penebuk, kolar, dai, peralatan kerja, blok gerigi dan penghurufan, syiling kosong dan mata wang syiling yang siap ditempa; dan

- (c) apa-apa perkakas, kelengkapan dan jentera yang berhubungan dengan pengeluaran, pencetakan atau penempaan mata wang kertas atau mata wang syiling;

“Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari” ertinya Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari yang ditubuhkan di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“komputer” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“mata wang kertas” ertinya suatu wang kertas yang dikeluarkan oleh Bank termasuk suatu wang kertas peringatan yang dikeluarkan oleh Bank untuk, atau bagi memperingati, suatu peristiwa atau tujuan tertentu;

“mata wang syiling” ertinya suatu syiling yang dikeluarkan oleh Bank termasuk suatu wang syiling peringatan yang dikeluarkan oleh Bank untuk, atau bagi memperingati, suatu peristiwa atau tujuan tertentu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang” ertinya mana-mana orang sebenar, perbadanan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi, perkongsian atau mana-mana badan, organisasi, persatuan atau kumpulan orang lain, sama ada diperbadankan atau yang tidak diperbadankan dan termasuklah Kerajaan dan mana-mana Kerajaan Negeri;

“output komputer” ertinya suatu pernyataan atau gambaran, sama ada dalam bentuk bertulis, bercetak, bergambar, filem, grafik, akustik atau yang lain—

- (a) yang dikeluarkan oleh suatu komputer;
- (b) yang ditayangkan pada skrin suatu komputer; atau
- (c) yang diterjemahkan dengan tepat daripada suatu pernyataan atau gambaran yang dikeluarkan dalam bentuk sedemikian;

“pemproses mata wang berdaftar” ertinya seseorang yang berdaftar di bawah subseksyen 26(1) untuk menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang dan bagi maksud Penggal 3 Bahagian IV termasuklah mana-mana institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pemprosesan mata wang;

“perniagaan pemprosesan mata wang” ertinya—

(a) perniagaan—

- (i) mengumpul mata wang kertas atau mata wang syiling;
- (ii) mengisih mata wang kertas atau mata wang syiling mengikut ketulenan dan kualiti; dan
- (iii) membungkus mata wang kertas atau mata wang syiling mengikut kualiti, kuantiti dan denominasi,

oleh seseorang bagi atau bagi pihak orang lain; atau

(b) apa-apa aktiviti yang diisytiharkan sebagai suatu perniagaan pemprosesan mata wang di bawah seksyen 23.

(2) Suatu mata wang kertas hendaklah disifatkan rosak—

- (a) jika apa-apa perkataan, tanda, simbol, lukisan, karikatur, atau benda lain, telah ditulis, digores atau dalam apa-apa cara lain atau melalui apa-apa cara lain telah ditunjukkan pada permukaannya; atau
- (b) jika mata wang kertas itu koyak, tercemar, terbakar, dikotori, punah atau dengan apa-apa cara selainnya dicacatkan.

(3) Suatu mata wang syiling hendaklah disifatkan dibega—

- (a) jika mata wang syiling itu cacat, susut atau menjadi ringan melainkan kerana rosak rosot biasa; atau
- (b) jika mata wang syiling itu dicap, diukir atau ditebuk, tidak kira sama ada syiling itu telah menjadi susut atau ringan.

Orang yang diisytiharkan sebagai institusi kewangan

3. Mana-mana orang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama diisytiharkan sebagai suatu institusi kewangan bagi maksud Akta ini.

Kuasa dan fungsi Bank

4. (1) Kuasa dan fungsi Bank di bawah Akta ini adalah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, kuasa dan fungsi Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009.

(2) Gabenor hendaklah menjalankan apa-apa kuasa dan melaksanakan apa-apa fungsi Bank di bawah Akta ini bagi pihak Bank.

(3) Bank boleh, sama ada secara am atau dalam suatu hal tertentu, melantik mana-mana orang, termasuk pegawai Bank, sama ada di dalam atau di luar Malaysia—

- (a) untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa fungsi, Bank, di bawah Akta ini bagi pihak dan atas nama Bank; atau
- (b) untuk memberikan apa-apa bantuan dalam menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa fungsi, Bank, di bawah Akta ini.

BAHAGIAN II

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN MATA WANG

Bank menjadi pihak berkuasa tunggal untuk mengeluarkan mata wang

5. Bank hendaklah menjadi pihak berkuasa tunggal untuk mengeluarkan mata wang kertas dan mata wang syiling di Malaysia.

Pencetakan dan penempatan mata wang di bawah kuasa Bank

6. (1) Mata wang kertas dan mata wang syiling hanya boleh dicetak atau ditempa oleh atau di bawah kuasa Bank.

(2) Bank hendaklah mengatur pencetakan mata wang kertas dan penempatan mata wang syiling.

Pengeluaran, pengeluaran semula dan pertukaran mata wang di pejabat, dsb., yang ditubuhkan oleh Bank

7. Bank hendaklah mengeluarkan dan mengeluarkan semula dan boleh membuat pertukaran mata wang kertas dan mata wang syiling di pejabat Bank atau di mana-mana agensi yang ditubuhkan atau dilantik oleh Bank bagi maksud itu.

Bank bertanggung bagi nilai muka mata wang

8. Bank hendaklah bertanggung bagi nilai muka mata wang kertas dan mata wang syiling yang telah dikeluarkan oleh Bank.

Denominasi dan bentuk mata wang

9. (1) Mata wang kertas dan mata wang syiling yang dikeluarkan oleh Bank—

(a) hendaklah dalam denominasi ringgit atau sen; dan

(b) hendaklah dalam bentuk, ciri-ciri atau reka bentuk, atau mengandungi ciri atau peranti,

sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Bank.

(2) Piawai berat dan komposisi mata wang syiling yang dikeluarkan oleh Bank dan amaun remedi dan ubahan hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Bank.

Sah diperlakukan

10. (1) Hanya mata wang kertas dan mata wang syiling yang dikeluarkan oleh Bank sah diperlakukan di Malaysia pada nilai mukanya dengan syarat mata wang kertas itu tidak rosak dan wang syiling itu tidak dibega.

(2) Mata wang kertas dan mata wang syiling yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah sah diperlakukan pada nilai mukanya bagi suatu pembayaran yang tidak melebihi kuantiti atau nilai agregat maksimum mata wang kertas atau mata wang syiling yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Jualan mata wang

11. (1) Bank boleh, bagi maksud mempromosikan ilmu numismatik, menjual mata wang kertas atau mata wang syiling pada suatu harga selain nilai mukanya.

(2) Apa-apa hasil daripada jualan mata wang kertas atau mata wang syiling menurut subseksyen (1) hendaklah dianggap sebagai suatu pendapatan kepada Bank.

Penyimpanan selamat mata wang yang belum dikeluarkan, dsb.

12. Bank hendaklah, mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Bank—

- (a) mengatur penyimpanan selamat mata wang kertas atau mata wang syiling yang belum dikeluarkan; dan
- (b) menyediakan dan menyimpan instrumen dan bahan yang digunakan bagi pengeluaran, pencetakan atau penempatan mata wang kertas atau mata wang syiling.

Kuasa memanggil balik mata wang

13. (1) Bank boleh memanggil balik apa-apa mata wang kertas atau mata wang syiling dengan memberi tidak kurang daripada satu bulan notis yang disiarkan dalam *Warta* mengenai niatnya untuk berbuat demikian.

(2) Apabila habis tempoh notis itu, mata wang kertas atau mata wang syiling yang baginya notis itu terpakai hendaklah terhenti daripada menjadi sah diperlakukan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Bank hendaklah bertanggung bagi nilai muka apa-apa mata wang kertas atau mata wang syiling apabila diserahkan di pejabat Bank atau di mana-mana agensi yang ditubuhkan atau dilantik oleh Bank bagi maksud itu.

Penarikan mata wang

14. Bank boleh mengambil semua langkah yang difikirkan patut oleh Bank untuk menarik daripada peredaran—

- (a) apa-apa mata wang kertas termasuk mata wang kertas yang rosak atau tidak layak untuk edaran;
- (b) apa-apa mata wang syiling termasuk mata wang syiling yang telah haus atau telah dibega; dan
- (c) apa-apa mata wang kertas dan mata wang syiling yang telah dipanggil balik menurut seksyen 13.

Pelupusan mata wang atau instrumen pencetakan dan penempatan

15. (1) Bank boleh memusnahkan, menguruskan atau selainnya melupuskan mata wang kertas atau mata wang syiling yang telah ditarik menurut seksyen 14 mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Bank.

(2) Bank hendaklah mengatur pemusnahan instrumen dan bahan yang digunakan bagi pengeluaran, pencetakan atau penempatan mata wang kertas atau mata wang syiling mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Bank.

Pembayaran balik mata wang yang hilang, dicuri atau tidak sempurna

16. (1) Tiada seorang pun berhak untuk mendapatkan kembali daripada Bank nilai—

- (a) apa-apa mata wang kertas dan mata wang syiling yang hilang, dicuri atau tidak sempurna;

(b) apa-apa mata wang kertas yang rosak; atau

(c) apa-apa mata wang syiling yang telah dibega.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank boleh, mengikut budi bicaranya, membayar balik nilai—

(a) apa-apa mata wang kertas dan mata wang syiling yang tidak sempurna;

(b) apa-apa mata wang kertas yang rosak; atau

(c) apa-apa mata wang syiling yang telah dibega.

Pemeliharaan kualiti dan integriti mata wang

17. Bagi maksud memelihara kualiti dan integriti, atau mempromosikan pengeluaran semula atau peredaran semula mata wang kertas atau mata wang syiling, Bank boleh—

(a) membuat suatu kontrak atau perkiraan lain dengan suatu institusi kewangan atau seorang pemproses mata wang berdaftar; atau

(b) mengambil apa-apa langkah atau memudahkan apa-apa tindakan yang difikirkan patut oleh Bank.

BAHAGIAN III

KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN MATA WANG

Larangan mengeluarkan, mencetak atau menempa mata wang

18. (1) Tiada seorang pun boleh mengeluarkan, mencetak atau menempa atau membenarkan pengeluaran, pencetakan atau penempatan, apa-apa nota, syiling, token, dokumen atau instrumen, sama ada ketara atau tidak ketara, yang berkemungkinan dikatakan sebagai sah diperlakukan melainkan nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu didenominasikan dan disandarkan sepenuhnya kepada ringgit atau mata wang asing.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) suatu nota, syiling, token, dokumen atau instrumen berkemungkinan dikatakan sebagai sah diperlakukan, jika nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu memenuhi semua ciri yang berikut:
 - (i) nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu boleh dibayar kepada seseorang pembawa atau pemegang atas permintaan atau apabila diserahkan;
 - (ii) nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu digunakan secara meluas di Malaysia bagi maksud pembayaran kepada mana-mana orang selain pengeluar nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu; dan
 - (iii) nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu mempunyai nilai selain nilai intrinsiknya;
- (b) “mata wang asing” ertinya apa-apa nota, syiling, token, dokumen atau instrumen, sama ada ketara atau tidak ketara, yang sah diperlakukan di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia dan termasuklah apa-apa hak untuk menerima nota, syiling, token, dokumen atau instrumen itu; dan
- (c) “mengeluarkan” ertinya perbuatan menyediakan bagi kegunaan mana-mana orang awam.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Sekatan ke atas penggunaan gambar, lukisan atau reka bentuk mata wang dalam penerbitan, dsb.

19. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika diluluskan oleh Bank—

- (a) menggunakan apa-apa gambar atau apa-apa lukisan atau reka bentuk yang menyerupai suatu mata wang kertas atau mata wang syiling atau mana-mana bahagian daripadanya, dalam apa-apa penerbitan dalam apa-apa saiz, skala atau warna; atau

- (b) mengimport, membuat, menjual, mengedar atau selainnya mengagih apa-apa dagangan atau produk yang mengandungi suatu gambar, lukisan atau reka bentuk yang menyerupai suatu mata wang kertas atau mata wang syiling atau mana-mana bahagian daripadanya dalam apa-apa saiz, skala atau warna.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Larangan melebur mata wang syiling

20. (1) Tiada seorang pun boleh, dengan niat untuk mendapatkan keuntungan, melebur apa-apa mata wang syiling melainkan jika diberi kuasa oleh Bank.

(2) Bank boleh, dalam memberi apa-apa kuasa di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Bank.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) dalam hal seorang orang sebenar, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) dalam hal suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Had transaksi tunai

21. (1) Tiada seorang pun boleh, dalam satu transaksi tunggal, membuat atau menerima apa-apa pembayaran menggunakan mata wang kertas, mata wang syiling atau kombinasinya yang melebihi nilai agregat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) nilai agregat maksimum yang berlainan boleh diperuntukkan bagi tujuan, golongan orang, aktiviti, perniagaan atau profesion yang berlainan; dan
- (b) suatu siri transaksi hendaklah dianggap sebagai satu transaksi tunggal jika transaksi itu dibuat dengan orang yang sama, untuk tujuan yang sama dan dalam hari yang sama.

(3) Tiada seorang pun boleh mengusahakan atau merangka, atau membantu atau mengambil bahagian dalam penstrukturan, apa-apa transaksi dengan niat untuk mengelak daripada pemakaian subseksyen (1).

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga kali ganda jumlah atau nilai agregat transaksi itu pada masa kesalahan itu dilakukan.

Ketidakpakaian seksyen 21

22. Seksyen 21 tidak terpakai bagi apa-apa transaksi—

- (a) yang dibuat oleh seseorang dengan atau melalui Bank atau suatu institusi kewangan; atau
- (b) diluluskan oleh Menteri, atas syor Bank, dalam hal apa-apa hal keadaan genting termasuk yang berikut:
 - (i) bantuan kemanusiaan; atau
 - (ii) pelepasan bencana.

BAHAGIAN IV

PERNIAGAAN PEMPROSESAN MATA WANG

Perisytiharan perniagaan pemprosesan mata wang

23. Menteri boleh, atas syor Bank, melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytihar apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengendalian mata wang kertas atau mata wang syiling sebagai suatu perniagaan pemprosesan mata wang.

Penggal 1

Pendaftaran

Larangan menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang

24. (1) Tiada seorang pun, selain Bank atau suatu institusi kewangan, boleh—

- (a) menjalankan suatu perniagaan pemprosesan mata wang; atau
- (b) mengemukakan dirinya sebagai seorang pemproses mata wang berdaftar,

melainkan jika orang itu berdaftar di bawah seksyen 26.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Permohonan bagi pendaftaran

25. (1) Seorang pemohon bagi pendaftaran untuk menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang hendaklah—

- (a) memenuhi semua kehendak yang ditetapkan oleh Bank;

- (b) mengemukakan suatu permohonan mengikut apa-apa bentuk dan cara, bersama-sama dengan apa-apa maklumat dan dokumen, yang ditentukan oleh Bank; dan
- (c) membayar fi pemprosesan yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 60.

(2) Tiada seorang pun boleh memohon untuk mendaftar bagi menjalankan suatu perniagaan pemprosesan mata wang melainkan jika orang itu ialah suatu syarikat.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(a), “ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk menetapkan secara berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori, perihalan orang yang berlainan, dan untuk meminda apa-apa penetapan.

Pendaftaran

26. (1) Bank hendaklah, apabila menerima suatu permohonan bagi pendaftaran di bawah seksyen 25, mendaftarkan pemohon itu.

(2) Seorang pemohon tidak boleh memulakan perniagaan pemprosesan mata wangnya sehingga pemohon itu diberitahu oleh Bank mengenai pendaftarannya di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Tidak boleh didaftarkan

27. Bank tidak boleh mendaftarkan seseorang pemohon jika pemohon itu tidak mematuhi seksyen 25 dan Bank hendaklah memberitahu pemohon itu mengenai penolakan permohonan bagi pendaftaran itu.

Penyiaran senarai pemproses mata wang berdaftar

28. Bank hendaklah menyiarkan suatu senarai pemproses mata wang berdaftar mengikut bentuk yang difikirkan patut oleh Bank.

Pembatalan pendaftaran secara sukarela

29. (1) Seorang pemproses mata wang berdaftar yang bercadang untuk berhenti daripada menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang hendaklah memberikan suatu notis kepada Bank bagi pembatalan pendaftaran secara sukarela dan boleh mencadangkan suatu tarikh kuat kuasa bagi pembatalan pendaftaran secara sukarela itu.

(2) Bank hendaklah, apabila menerima suatu notis di bawah subseksyen (1), membatalkan pendaftaran seorang pemproses mata wang berdaftar mengikut cadangan tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam notis itu, jika ada, atau apa-apa tarikh terkemudian yang difikirkan patut oleh Bank.

(3) Bank hendaklah memberitahu seorang pemproses mata wang berdaftar mengenai tarikh kuat kuasa pembatalan pendaftaran secara sukarelanya di bawah seksyen ini.

Pembatalan pendaftaran oleh Bank

30. Bank boleh mencadangkan untuk membatalkan pendaftaran seorang pemproses mata wang berdaftar —

- (a) jika pemproses mata wang berdaftar itu mengemukakan kepada Bank maklumat yang palsu, mengelirukan, tidak tepat atau tidak lengkap bagi maksud subseksyen 25(1);
- (b) jika pemproses mata wang berdaftar itu telah berhenti daripada menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang;
- (c) jika pemproses mata wang berdaftar itu melakukan suatu kemungkiran tidak kira sama ada tiada tindakan telah diambil berkenaan dengan kemungkiran itu;

(d) jika pemproses mata wang berdaftar itu melanggar mana-mana peruntukan—

(i) Akta Bank Negara Malaysia 2009;

(ii) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*];

(iii) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*];

(iv) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; atau

(v) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013,

tidak kira sama ada tiada pendakwaan atau tindakan lain telah diambil berkenaan dengan pelanggaran itu;

(e) pengarah, ketua pegawai eksekutif atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusan pemproses mata wang berdaftar itu disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

(f) pemproses mata wang berdaftar itu telah digulungkan atau dengan apa-apa cara lain dibubarkan; atau

(g) seorang penerima atau pengurus harta bagi pemproses mata wang berdaftar itu telah dilantik.

Peluang untuk membuat representasi bagi tindakan di bawah seksyen 30

31. (1) Jika Bank bercadang untuk membatalkan pendaftaran seorang pemproses mata wang berdaftar di bawah seksyen 30, Bank hendaklah memberi pemproses mata wang berdaftar itu suatu notis yang menyatakan cadangan pembatalan pendaftaran dan alasan bagi pembatalan pendaftaran itu.

(2) Seorang pemproses mata wang berdaftar yang telah menerima suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diberi suatu peluang untuk membuat suatu representasi kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu.

(3) Jika selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2)—

- (a) Bank tidak menerima apa-apa representasi, Bank hendaklah membatalkan pendaftaran pemproses mata wang berdaftar itu dan memberi pemproses mata wang berdaftar itu suatu notis mengenai pembatalan pendaftaran itu; atau
- (b) Bank menerima suatu representasi, Bank hendaklah, selepas mempertimbang representasi itu, memberi pemproses mata wang berdaftar itu suatu notis mengenai keputusannya sama ada untuk meneruskan pembatalan pendaftaran itu atau sebaliknya.

(4) Suatu pembatalan pendaftaran di bawah subseksyen (3) hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dalam notisnya di bawah subseksyen (3).

(5) Jika Bank memutuskan di bawah perenggan (3)(b) untuk tidak membatalkan pendaftaran pemproses mata wang berdaftar itu, Bank boleh mengenakan apa-apa kehendak ke atas pemproses mata wang berdaftar itu yang difikirkan patut oleh Bank.

Kesan pembatalan pendaftaran

32. (1) Jika seorang pemproses mata wang berdaftar membatalkan pendaftarannya secara sukarela di bawah seksyen 29 atau Bank membatalkan pendaftaran seorang pemproses mata wang berdaftar di bawah subseksyen 31(3), pemproses mata wang berdaftar itu hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang pada tarikh kuat kuasa pembatalan pendaftaran itu.

(2) Suatu pembatalan pendaftaran tidak boleh memberi kesan ke atas apa-apa hak, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah, apa-apa perjanjian, perkiraan atau transaksi yang dibuat oleh pemproses mata wang berdaftar itu dengan mana-mana orang sebelum pembatalan pendaftaran itu.

Penggala 2

*Kewajipan pemproses mata wang berdaftar***Amalan berhemat dan profesional**

33. (1) Seseorang pemproses mata wang berdaftar dan suatu institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pemprosesan mata wang hendaklah menguruskan perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya secara berhemat, secara profesional dan dengan integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

(2) Seseorang pemproses mata wang berdaftar dan suatu institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pemprosesan mata wang hendaklah mematuhi dan memastikan bahawa dasar dan tatacara dalamannya selaras dengan apa-apa standard yang ditentukan oleh Bank di bawah seksyen 61, termasuk standard mengenai amalan berhemat, integriti, profesionalisme dan kepakaran dalam menjalankan perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya.

Kewajipan pengarah dan ketua pegawai eksekutif

34. Tiap-tiap pengarah, ketua pegawai eksekutif atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusan seseorang pemproses mata wang berdaftar atau suatu institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pemprosesan mata wang hendaklah memastikan bahawa pemproses mata wang berdaftar itu atau institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pemprosesan mata wang itu mematuhi Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan, standard, spesifikasi, arahan atau kehendak yang dibuat di bawah Akta ini.

Fi

35. (1) Seseorang pemproses mata wang berdaftar hendaklah membayar apa-apa fi yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 60.

(2) Tiada pemproses mata wang berdaftar berhak untuk suatu pembayaran balik apa-apa fi yang dibayar di bawah subseksyen (1).

(3) Bank boleh membawa guaman terhadap mana-mana orang untuk mendapatkan kembali apa-apa fi yang tidak dibayar di bawah Akta ini sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan dan mahkamah boleh memberikan award kos untuk mendapatkan kembali fi yang tidak dibayar itu kepada Bank.

Pemeliharaan kerahsiaan

36. (1) Tiada seorang pun yang sedang atau pernah menjadi seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai atau pekerja seseorang pemproses mata wang berdaftar boleh mendedahkan kepada mana-mana orang, apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan urusan atau hal ehwal seseorang pelanggan seseorang pemproses mata wang berdaftar kecuali diluluskan oleh Bank.

(2) Tiada seorang pun, yang dengan apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan urusan atau hal ehwal seseorang pelanggan seseorang pemproses mata wang berdaftar, boleh mendedahkan kepada mana-mana orang, maklumat atau dokumen itu melainkan diluluskan oleh Bank.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai bagi apa-apa pendedahan—

(a) yang dibuat kepada Bank yang berhubungan dengan pelaksanaan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah Akta ini; atau

(b) apabila dikehendaki menurut undang-undang oleh mana-mana mahkamah atau mana-mana undang-undang bertulis.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Penahanan mata wang yang disyaki palsu

37. Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan hendaklah menahan apa-apa mata wang kertas atau mata wang syiling yang dikemukakan mengikut apa-apa cara kepada Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan yang Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan itu mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu.

Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan merekodkan maklumat peribadi orang yang daripadanya mata wang ditahan

38. (1) Apabila penahanan mata wang kertas atau mata wang syiling dibuat di bawah seksyen 37, adalah sah bagi Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan untuk merekodkan maklumat peribadi termasuk nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang daripadanya mata wang kertas atau mata wang syiling itu ditahan oleh Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan, termasuk—

- (a) maklumat peribadi pemunya di sisi undang-undang atau pemunya benefisial; dan
- (b) maklumat peribadi pembawanya atau mana-mana orang yang memiliki mata wang kertas atau mata wang syiling yang ditahan itu sebelum penahanan itu.

(2) Orang yang daripadanya mata wang kertas atau mata wang syiling itu ditahan di bawah seksyen 37 hendaklah memberikan maklumat yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) kepada Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

Mata wang diserahkan dan maklumat dikemukakan, kepada polis

39. Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan hendaklah menyerahkan apa-apa mata wang kertas atau mata wang syiling yang ditahan di bawah seksyen 37, dan Bank, pemproses mata wang berdaftar dan institusi kewangan hendaklah mengemukakan maklumat yang direkodkan di bawah subseksyen 38(1), kepada polis.

Mata wang terus menjadi harta orang yang daripadanya mata wang ditahan jika mata wang adalah tulen

40. (1) Apa-apa mata wang kertas atau mata wang syiling yang ditahan dan diserahkan kepada polis di bawah seksyen 39 hendaklah terus menjadi harta orang yang daripadanya mata wang kertas atau mata wang syiling itu ditahan jika mata wang kertas atau mata wang syiling itu didapati tulen.

(2) Tiada seorang pun berhak mendapatkan kembali apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung olehnya disebabkan oleh penahanan mata wang kertas atau mata wang syiling di bawah seksyen 37.

Pengemukakan dokumen atau maklumat

41. (1) Seseorang pemproses mata wang berdaftar dan suatu institusi kewangan hendaklah mengemukakan kepada Bank, atau kepada mana-mana orang yang dikenal pasti oleh Bank, apa-apa dokumen atau maklumat mengikut cara dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Bank.

(2) Bank boleh menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang ditentukan oleh Bank yang berhubungan dengan—

- (a) seorang pemproses mata wang berdaftar atau perniagaan pemprosesan mata wangnya; atau
- (b) suatu institusi kewangan atau aktiviti pemprosesan mata wangnya.

(3) Jika mana-mana orang dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat di bawah subseksyen (1) atau (2), orang itu hendaklah mengemukakan dokumen atau maklumat yang betul, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penggal 3

Pemeriksaan

Kuasa untuk memeriksa

42. (1) Bank boleh tanpa apa-apa notis terdahulu, memeriksa apa-apa—

- (a) dokumen, akaun atau transaksi;
- (b) komputer, jentera, peralatan atau infrastruktur; dan
- (c) premis atau pejabat,

yang berhubungan dengan perniagaan pemprosesan mata wang atau aktiviti pemprosesan mata wang seseorang pemproses mata wang berdaftar atau ejennya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), kuasa untuk memeriksa termasuklah kuasa untuk—

- (a) menguji apa-apa komputer, jentera, peralatan dan infrastruktur;
- (b) membuat salinan atau cabutan apa-apa dokumen, akaun, output komputer, transaksi dan output apa-apa jentera, peralatan dan infrastruktur; dan
- (c) mengambil gambar apa-apa dokumen, akaun, transaksi, komputer, jentera, peralatan, infrastruktur, premis dan pejabat.

Pemeriksaan orang tertentu

43. Dalam menjalankan suatu pemeriksaan di bawah seksyen 42, Bank boleh memeriksa seseorang yang sedang, atau pada bila-bila masa pernah menjadi, seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai, pekerja, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusan, perniagaan pemprosesan mata wang atau aktiviti pemprosesan mata wang seseorang pemproses mata wang berdaftar atau ejennya di bawah suatu pemeriksaan itu.

Hak bagi akses dan pengemukaan harta, dsb.

44. (1) Mana-mana orang yang diperiksa di bawah seksyen 42 atau 43 hendaklah—

- (a) membenarkan akses kepada apa-apa dokumen, akaun, transaksi, harta, perkakas, peralatan, jentera, komputer, output komputer, sistem, infrastruktur, premis dan pejabat; dan
- (b) memberikan apa-apa dokumen, akaun, transaksi, harta, perkakas, peralatan, jentera, komputer, output komputer dan sistem,

kepada Bank mengikut cara dan dalam masa yang ditentukan oleh Bank.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), orang yang diperiksa hendaklah memberikan Bank kunci, kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang diperlukan atau apa-apa cara lain bagi membolehkan pemahaman apa-apa output komputer, jentera, peralatan atau infrastruktur.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Kehadiran di hadapan Bank

45. (1) Seseorang yang dikehendaki supaya diperiksa di bawah seksyen 43 hendaklah hadir di hadapan Bank pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh Bank.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Penggal 1

Tindakan oleh Bank

Kemungkiran

46. Seseorang pemproses mata wang berdaftar atau institusi kewangan, atau pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusannya, melakukan suatu kemungkiran di bawah Akta ini jika pemproses mata wang berdaftar atau institusi kewangan itu, atau pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusannya, tidak mematuhi atau memberi kesan kepada—

- (a) apa-apa peruntukan Akta ini; atau
- (b) apa-apa peraturan-peraturan, standard, spesifikasi, arahan atau kehendak yang dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan

47. (1) Bank boleh, tertakluk kepada seksyen 49 dan 50, mengeluarkan suatu arahan di bawah subseksyen (2) kepada seorang pemproses mata wang berdaftar atau suatu institusi kewangan jika difikirkan oleh Bank bahawa—

- (a) terdapat keperluan untuk berbuat demikian sebagai suatu keputusan daripada apa-apa pemeriksaan di bawah Akta ini; atau

(b) pemproses mata wang berdaftar itu atau institusi kewangan itu, atau pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusannya—

(i) sedang menjalankan atau telah menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang atau aktiviti pemprosesan mata wang dengan suatu cara yang memudaratkan kepentingan pelanggannya atau orang awam; atau

(ii) sedang melakukan atau telah melakukan atau berkemungkinan melakukan suatu kemungkiran.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Bank boleh mengeluarkan suatu arahan kepada pemproses mata wang berdaftar itu atau institusi kewangan itu yang berhubungan dengan satu atau lebih maksud yang berikut:

(a) untuk melarang pemproses mata wang berdaftar atau institusi kewangan itu daripada menjalankan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perniagaan pemprosesan mata wangnya atau aktiviti pemprosesan mata wangnya;

(b) untuk melarang pemproses mata wang berdaftar itu atau institusi kewangan itu daripada melakukan atau melaksanakan apa-apa perbuatan atau fungsi yang berkaitan dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perniagaan pemprosesan mata wangnya atau aktiviti pemprosesan mata wangnya;

(c) untuk menggantung perniagaan pemprosesan mata wangnya atau aktiviti pemprosesan mata wangnya pada apa-apa takat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Bank;

(d) untuk menghendaki pemproses mata wang berdaftar atau institusi kewangan itu untuk—

(i) mematuhi atau memberi kesan kepada; atau

(ii) melakukan atau meninggalkan apa-apa perbuatan untuk memastikan pematuhan kepada,

apa-apa peruntukan, peraturan-peraturan, standard, spesifikasi, arahan atau kehendak yang dibuat di bawah Akta ini;

- (e) untuk menghendaki pemproses mata wang berdaftar atau institusi kewangan itu untuk mengambil apa-apa langkah yang diarahkan oleh Bank untuk mengurangkan kesan suatu kemungkiran.

Kuasa untuk mengambil tindakan pentadbiran

48. (1) Jika difikirkan oleh Bank bahawa seorang pemproses mata wang berdaftar atau suatu institusi kewangan, atau pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusannya, telah melakukan suatu kemungkiran dan adalah wajar untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Bank boleh, tertakluk kepada seksyen 49 dan 50, mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (a) menegur orang yang mungkir itu;
- (b) menghendaki orang yang mungkir itu untuk mengeluarkan suatu pernyataan umum yang berhubungan dengan kemungkiran itu, jika difikirkan oleh Bank bahawa kemungkiran itu relevan untuk makluman orang awam;
- (c) jika kemungkiran itu bukanlah suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mengenakan suatu penalti monetari, dalam apa-apa amaun yang difikirkan patut oleh Bank, tetapi tidak boleh melebihi, berhubungan dengan tiap-tiap kemungkiran—
 - (i) dalam hal suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan, satu ratus ribu ringgit; atau
 - (ii) dalam hal orang sebenar, dua puluh ribu ringgit.

(2) Jika suatu kemungkiran dilakukan oleh suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) terhadap seseorang yang sedang atau pernah menjadi pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana orang yang terlibat

dalam pengendalian atau pengurusannya, pada masa kemungkiran itu dilakukan, melainkan jika orang itu menunjukkan bahawa kemungkiran itu dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan usaha yang wajar untuk mengelakkan kemungkiran itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, dengan mengambil kira jenis fungsinya dalam jawatan itu dan hal keadaan itu.

(3) Jika suatu kemungkiran dilakukan oleh seseorang yang sedang menjadi seorang pengarah atau ketua pegawai eksekutif, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusan, seorang pemproses mata wang berdaftar atau suatu institusi kewangan semasa menjalankan tugasnya, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) terhadap pemproses mata wang berdaftar atau institusi kewangan itu.

(4) Jika seseorang gagal membayar suatu penalti monetari yang dikenakan oleh Bank di bawah perenggan (1)(c) dalam tempoh yang ditentukan oleh Bank, Bank boleh membawa guaman dan mendapatkan kembali penalti monetari itu sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan dan mahkamah boleh memberikan award kos untuk mendapatkan kembali penalti monetari yang tidak dibayar itu kepada Bank.

Kesesuaian tindakan

49. Dalam menentukan tindakan yang sesuai untuk diambil oleh Bank terhadap seseorang di bawah seksyen 47 atau 48, Bank hendaklah mengambil kira perkara yang berikut:

- (a) keberkesanan tindakan yang akan diambil itu;
- (b) perkadaran tindakan yang akan diambil itu dengan dapatan suatu pemeriksaan atau kemungkiran yang dilakukan;
- (c) pencegahan kemungkiran masa hadapan yang serupa oleh seorang pemproses mata wang berdaftar, suatu institusi kewangan atau orang lain; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Bank.

Peluang untuk membuat representasi bagi tindakan di bawah seksyen 47 atau 48

50. (1) Jika Bank bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap seseorang di bawah seksyen 47 atau 48, Bank hendaklah memberikan kepada orang itu suatu notis yang menyatakan tindakan yang dicadangkan itu dan alasan bagi tindakan yang dicadangkan itu.

(2) Mana-mana orang yang telah menerima suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan suatu peluang untuk membuat suatu representasi kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu.

(3) Jika selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2)—

(a) Bank tidak menerima apa-apa representasi, Bank hendaklah meneruskan tindakan yang dicadangkan itu; atau

(b) Bank menerima suatu representasi, Bank hendaklah, selepas mempertimbang representasi itu, memutuskan sama ada untuk—

(i) meneruskan tindakan yang dicadangkan itu;

(ii) mengubah suai tindakan yang dicadangkan itu; atau

(iii) tidak mengambil tindakan lanjut,

dan hendaklah memaklumkan keputusannya kepada orang itu melalui suatu notis.

(4) Jika Bank memutuskan untuk mengubah suai tindakan yang dicadangkan di bawah subperenggan (3)(b)(ii), Bank hendaklah memberikan suatu notis tambahan dan suatu peluang kepada orang itu untuk membuat suatu representasi.

(5) Keputusan Bank di bawah perenggan (3)(b) hendaklah mula berkuat kuasa pada apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Bank dalam notisnya.

Rayuan terhadap penalti monetari

51. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan suatu keputusan Bank di bawah subseksyen 50(3) yang berkenaan dengan suatu tindakan yang diambil di bawah perenggan 48(1)(c) boleh, dalam tempoh dua puluh satu hari selepas orang itu dimaklumkan mengenai keputusan Bank, membuat suatu rayuan dengan memfailkan suatu notis kepada Jawatankuasa Semakan Penalty Monetari.

(2) Keputusan Bank di bawah subseksyen 50(3) yang berkenaan dengan suatu tindakan yang diambil di bawah perenggan 48(1)(c) tidak boleh berkuat kuasa sehingga rayuan itu diputuskan.

(3) Jawatankuasa Semakan Penalty Monetari boleh memutuskan untuk mengesahkan keputusan Bank atau menghendaki Bank untuk mempertimbang semula dan mencapai suatu keputusan mengikut dapatan Jawatankuasa itu.

Penggal 2*Tindakan jenayah***Kesalahan oleh orang yang bertindak dalam jawatan rasmi**

52. (1) Jika suatu kesalahan dilakukan oleh suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan, seseorang yang sedang menjadi pengarahnya atau ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian atau pengurusannya, pada masa berlakunya kesalahan itu disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, dengan mengambil kira jenis fungsinya dalam jawatan itu dan hal keadaan itu.

(2) Seorang orang sebenar boleh didakwa atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) tanpa mengira—

(a) bahawa tiada pendakwaan telah dimulakan terhadap pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan itu; atau

- (b) bahawa pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan itu tidak disabitkan dengan kesalahan itu.

(3) Subseksyen (1) tidak menjejaskan liabiliti jenayah pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan itu bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen itu.

Kesalahan oleh pekerja atau pegawai atau ejen

53. (1) Jika suatu kesalahan dilakukan oleh—

- (a) seorang pekerja atau pegawai semasa menjalankan tugasnya; atau
- (b) seorang ejen semasa bertindak dalam kuasanya sebagai seorang ejen,

majikan atau prinsipal orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada masa pelakuan kesalahan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama bagi kesalahan yang dilakukan oleh pekerja atau pegawai atau ejen itu.

(2) Tiada apa-apa jua di bawah subseksyen (1) boleh melepaskan seseorang pekerja atau pegawai atau ejen daripada apa-apa liabiliti bagi suatu kesalahan.

Percubaan, persubahatan dan komplot

54. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) membuat suatu perbuatan sebagai persediaan bagi, atau bagi membantu, pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubahat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini,

sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan disebabkan olehnya, melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti yang sama bagi kesalahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) “komplot jenayah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 120A Kanun Keseksaan [Akta 574];
- (b) “subahat” mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya dalam seksyen 107 Kanun Keseksaan; dan
- (c) jika hukuman yang berbeza diperuntukkan bagi seorang orang sebenar dan bagi suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan, orang yang melakukan suatu kesalahan itu hendaklah bertanggung bagi hukuman yang diperuntukkan bagi seorang orang sebenar jika dia ialah seorang orang sebenar atau hendaklah bertanggung bagi hukuman yang diperuntukkan bagi suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan jika ia ialah suatu pertubuhan, yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan.

Kesalahan boleh tangkap

55. Tiap-tiap kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah Akta ini hendaklah menjadi suatu kesalahan boleh tangkap dan seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat Inspektor boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan atau sedang melakukan kesalahan itu.

Pencantuman kesalahan

56. Walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, jika seseorang itu dituduh atas lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dipertuduh dengan dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi seberapa banyak kesalahan yang dilakukan dalam apa-apa jangka masa.

Pengkompaunan kesalahan

57. (1) Menteri boleh, atas syor Bank, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan —

- (a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria untuk mengkompaun kesalahan itu; dan
- (c) kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Gabenor boleh, dengan izin Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum suatu pendakwaan dimulakan, mengkompaun apa-apa kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu apabila dibayar kepada Gabenor suatu jumlah wang yang tidak melebihi jumlah denda maksimum yang orang itu boleh bertanggung jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu telah dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Gabenor, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkenaan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Bank, tertakluk kepada apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Bank.

Pendakwaan

58. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

BAHAGIAN VI

AM

Wang yang diterima oleh Bank

59. Tanpa menjejaskan subseksyen 11(2), 35(3) dan 48(4), semua wang yang diterima oleh Bank atau Gabenor menurut Akta ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan termasuk apa-apa —

- (a) fi yang dibayar oleh seseorang di bawah seksyen 25 atau 35;
- (b) penalti monetari yang dibayar di bawah seksyen 48; dan
- (c) kompaun yang dibayar di bawah seksyen 57.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

60. (1) Menteri boleh, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk mengadakan peruntukan —

- (a) bagi fi yang kena dibayar kepada Bank berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini;
- (b) bagi pendaftaran seseorang pemproses mata wang berdaftar; dan
- (c) bagi apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan mata wang.

(3) Apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan suatu perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan untuk menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dikaitkan dengan semua atau apa-apa golongan, kategori atau perihalan orang, dan Menteri, atas syor Bank, boleh membuat peruntukan yang berlainan bagi golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan.

Kuasa untuk mengeluarkan standard

61. Bank boleh mengeluarkan standard yang difikirkan patut oleh Bank, secara amnya berkenaan dengan Akta ini, atau berkenaan dengan apa-apa peruntukan tertentu Akta ini, atau secara amnya berkenaan dengan kelakuan seorang pemproses mata wang berdaftar atau suatu institusi kewangan yang menjalankan aktiviti pemprosesan mata wang —

- (a) bagi maksud melaksanakan maksudnya dan menjalankan fungsinya atau menjalankan urusannya atau hal ehwalnya;
- (b) bagi maksud memberikan kesan sepenuhnya kepada mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (c) bagi pelaksanaan lanjut, lebih baik atau lebih mudah peruntukan-peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

62. Bank boleh mengeluarkan garis panduan kepada mana-mana orang atau kepada apa-apa golongan, kategori atau perihalan orang yang mengandungi apa-apa maklumat, nasihat atau syor sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank—

- (a) yang berhubungan dengan peruntukan Akta ini;
- (b) bagi maksud menjalankan atau mencapai objektif pengawalseliaan Akta ini; atau
- (c) yang berhubungan dengan apa-apa perkara lain yang pada pendapat Bank adalah wajar untuk diberikan maklumat, nasihat atau syor.

Peruntukan berhubungan dengan kelulusan, standard, spesifikasi, notis, kehendak, arahan, perintah atau garis panduan

63. (1) Apa-apa kelulusan yang diberikan, atau standard, spesifikasi, notis, kehendak, arahan, perintah atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini—

(a) boleh diberikan atau dibuat secara am atau khusus; dan

(b) boleh dipinda atau dibatalkan oleh Bank.

(2) Apa-apa standard, spesifikasi, notis, kehendak, arahan, perintah atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan secara berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan.

(3) Apa-apa kelulusan yang diberikan, atau standard, spesifikasi, notis, kehendak, arahan, perintah atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dikeluarkan atau dimaklumkan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Bank.

Penyiaran tindakan penguatkuasaan

64. Bank boleh, jika sesuai, menyiarkan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Bank, apa-apa maklumat yang berhubungan dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh Bank atau selainnya di bawah Bahagian V, dan keputusan tindakan itu.

Pindaan Jadual

65. Menteri boleh, atas syor Bank, melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Akta ini.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

66. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibuat atau dibawa, dimulakan, atau disenggarakan di mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

(a) Menteri;

- (b) Bank;
- (c) Gabenor;
- (d) mana-mana anggota Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari;
- (e) mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank; atau
- (f) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Bank,

bagi atau atas sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan, pernyataan atau peninggalan yang dibuat atau ditinggalkan, atau yang berupa sebagai dibuat atau ditinggalkan, menurut atau dalam melaksanakan, atau yang dimaksudkan untuk menurut atau melaksanakan, Akta ini, atau apa-apa kelulusan yang diberikan, arahan, penetapan, spesifikasi, standard, kehendak, perintah, garis panduan dan peraturan-peraturan yang dibuat, di bawah Akta ini, jika perbuatan, pernyataan atau peninggalan yang dibuat atau ditinggalkan, atau yang berupa sebagai dibuat atau ditinggalkan, menurut atau dalam melaksanakan, atau yang dimaksudkan untuk menurut atau melaksanakan, Akta ini, atau kelulusan yang diberikan, arahan, penetapan, spesifikasi, standard, kehendak, perintah, garis panduan dan peraturan-peraturan itu yang dibuat, di bawah Akta ini, dibuat atau ditinggalkan dengan suci hati.

Pemakaian seksyen 77 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

67. (1) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh dengan apa-apa cara menyentuh atau melemahkan peruntukan seksyen 77 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(2) Akta ini hendaklah dibaca tertakluk kepada peruntukan seksyen 77 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dalam keadaan berlaku apa-apa percanggahan antara Akta ini dengan peruntukan itu, peruntukan itu hendaklah dipakai.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh dianggapkan sebagai suatu kelulusan bagi maksud Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pengecualian

68. Menteri boleh, atas syor Bank, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau apa-apa golongan, kategori atau perihalan orang, daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri dalam perintah itu.

BAHAGIAN VII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

Kecualian

69. Apa-apa—

- (a) kelulusan atau penentuan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 23 Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*] hendaklah disifatkan sebagai kelulusan oleh Menteri di bawah seksyen 9; dan
- (b) kebenaran yang dikeluarkan oleh Bank di bawah seksyen 27A Akta Bank Negara Malaysia 1958 hendaklah disifatkan sebagai kelulusan yang diberikan oleh Bank di bawah subseksyen 19(1),

dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya yang berhubungan dengan orang yang kepadanya kelulusan atau penentuan atau kebenaran itu terpakai sehingga kelulusan atau penentuan atau kebenaran itu dipinda atau dibatalkan.

Peralihan

70. (1) Mana-mana orang yang telah menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2) boleh meneruskan perniagaan itu seolah-olah Akta ini tidak diperbuat bagi tempoh enam bulan dari tarikh yang ditetapkan itu atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Bank, yang boleh disebut sebagai “tempoh tangguh”.

(2) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1) berniat untuk meneruskan perniagaan pemprosesan mata wang itu selepas tamatnya tempoh tangguh itu, orang itu hendaklah membuat suatu permohonan untuk didaftarkan sebagai seorang pemproses mata wang berdaftar di bawah seksyen 25 dalam tempoh tangguh itu.

(3) Jika seseorang yang disebut dalam perenggan (1) telah didaftarkan sebagai seorang pemproses mata wang berdaftar oleh Bank, pemproses mata wang berdaftar itu diberi tempoh tangguh tambahan selama enam bulan dari tamatnya tempoh tangguh itu bagi mematuhi sepenuhnya peruntukan dalam Penggal 2 Bahagian IV dan apa-apa ketidakpatuhan selepas tamatnya tempoh tangguh tambahan itu akan tertakluk kepada tindakan yang diperuntukkan dalam peruntukan yang berkenaan.

(4) Jika seseorang tidak memohon untuk didaftarkan sebagai seorang pemproses mata wang berdaftar atau permohonan pendaftarannya ditolak apabila tamatnya tempoh tangguh itu, orang itu hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang, pada tarikh akhir tempoh tangguh itu.

(5) Tempoh tangguh di bawah subseksyen (1) hendaklah tamat dalam hal jika seseorang itu telah memohon untuk didaftarkan sebagai seorang pemproses mata wang berdaftar—

- (a) pada tarikh permohonan bagi pendaftaran sebagai seorang pemproses mata wang berdaftar itu diterima oleh Bank dan suatu pemberitahuan di bawah seksyen 26 dikeluarkan; atau
- (b) pada tarikh penyampaian suatu notis di bawah seksyen 27 yang menyatakan bahawa permohonan bagi pendaftaran itu ditolak oleh Bank.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3]

ORANG YANG DIISYTIHARKAN SEBAGAI INSTITUSI KEWANGAN

1. Pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 diisytiharkan sebagai institusi kewangan bagi maksud seksyen 22, 33, 34, 37, 38, 39, 41, 42, 43, 44 dan 45 dan Penggal 1 Bahagian V.

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 10(2) dan 21(1)]

HAD SAH DIPERLAKUKAN

1. Mata wang syiling adalah sah diperlakukan bagi pembayaran apa-apa amaun sehingga nilai agregat dua puluh lima keping mata wang syiling dalam apa-apa pembayaran tunggal.

HAD BAGI TRANSAKSI TUNAI

Tiada